



SIARAN MEDIA BERSAMA

LAPAN PKS TERPILIH SERTA PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI REL (*RIDP*)

Kuala Lumpur, 19 April 2021 – Sebanyak lapan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah dipilih untuk menyertai Program Pembangunan Industri Rel (*RIDP*) anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui SME Corp. Malaysia dan Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui *National Rail Centre of Excellence (NRCOE)* dan *Technology Depository Agency Berhad (TDA)*.

Program ini bertujuan untuk mengenalpasti dan meningkatkan keupayaan PKS berpertumbuhan tinggi di dalam sektor rel selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN 2019-2030) dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030). Syarikat yang terpilih menyertai program ini terlibat dalam pembuatan komponen dalaman gerabak keretapi; panel gentian kaca, pintu dan *gangway*; serta menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan gerabak keretapi, sistem rel dan sistem brek.

Selain penyerahan sijil penyertaan dan *mock cheque* kepada 8 PKS terlibat, turut diadakan pada hari ini adalah Majlis Pertukaran *Memorandum of Agreement (MoA)* di antara Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Dr. Sharoul Jambari, Ketua Pegawai Eksekutif *Technology Depository Agency Berhad (TDA)*. Majlis ini disaksikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi dan YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia.

Program RIDP menyasarkan tiga (3) objektif strategik iaitu menambahkan bilangan syarikat pertumbuhan tinggi dan inovatif di dalam industri rel; meningkatkan produktiviti

dan kualiti PKS di dalam industri rel; dan memperluaskan penglibatan PKS tempatan di dalam rangkaian bekalan rel domestik dan antarabangsa. Program ini akan menghasilkan syarikat PKS bertaraf global di dalam industri rel melalui aktiviti pembangunan kapasiti dan bantuan kewangan di dalam meningkatkan keupayaan mereka melalui pendekatan adaptasi teknologi, transformasi organisasi dan strategi pemasaran.

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam ucapan beliau berkata, "Industri Rel adalah industri yang telah dikenal pasti di bawah Dasar Keusahawanan Negara (DKN) 2030 di dalam memacu penubuhan PKS berteraskan inovasi dan pertumbuhan tinggi. Industri rel ini telah menyumbang sebanyak RM43.05 billion kepada ekonomi negara dan dijangka memerlukan seramai 50 ribu pekerja mahir menjelang tahun 2030". Tambah beliau, "PKS terpilih di bawah program ini akan melalui aktiviti pembangunan kapasiti serta layak mendapat bantuan kewangan sehingga RM500,000 dalam bentuk geran padanan (*matching grant*) bagi aktiviti transformasi yang merangkumi standard dan pensijilan, adaptasi teknologi baharu dan strategi pemasaran menembusi rangkaian bekalan global".

Hasil daripada aktiviti pembangunan kapasiti dan bantuan kewangan ini, SME Corp. Malaysia dan TDA menasakurangkan sekurang-kurangnya 50% PKS terpilih dapat menyertai projek perolehan Kerajaan di dalam *Industrial Collaboration Programme (ICP)* bagi industri rel; lima (5) PKS dibangunkan setiap tahun; dan 80% peserta memperolehi pensijilan *International Railway Industry Standard (IRIS)* atau pensijilan lain yang diiktiraf oleh *Original Equipment Manufacturer (OEM)*.

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong pula berkata, "NRCOE sebagai pusat penyelaras di peringkat nasional akan memastikan pembangunan bakat tempatan profesional, mahir dan separa mahir dalam bidang rel, menambahbaik piawaian dan jaminan kualiti untuk industri rel serta menyelaras kajian dan penyelidikan teknologi rel agar seiring dengan dasar pengangkutan negara dan keperluan industri". Tambah beliau lagi, "Di bawah program ini, syarikat akan dibimbing untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehpasaran seterusnya meningkatkan peratusan kandungan tempatan (*local contents*) sekurang-kurangnya 45% dalam beberapa komponen yang telah dikenalpasti menjelang tahun 2030".

-TAMAT-

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Aminuddin Mohamed dan Puan Shuhaidah Mohd Shariff di talian 03-2775 6191 dan 6068 atau emel – aminuddin@smecorp.gov.my dan shuhaidah@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia
Level 6, SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Fax : 603-2775 6001
Emell : info@smecorp.gov.my
Laman web : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

TECHNOLOGY DEPOSITORY AGENCY BERHAD (TDA)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Ahmad Raziz Bin Rashid atau Cik Fatin Syahira Samsuri di talian 03 – 8893 5411 atau emel – raziz@tda.my atau fatin@tda.my

Technology Depository Agency Berhad (TDA)
Aras 3, Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana
Presint 3, 62675
Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel : 603 – 8893 5411
Fax : 603 -8893 5422
Emel : enquiry@tda.my
Laman web : www.tda.my

TDA Berhad

Technology Depository Agency Berhad (TDA) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang diperutuskan dari keputusan Kabinet pada tahun 2002 bagi mengurus, mentadbir dan memantau semua pelaksanaan kegiatan Program Industri Kolaborasi (ICP) di Malaysia. Antara peranan TDA adalah untuk memastikan industri mematuhi proses dan keperluan seperti yang ditetapkan dalam Rangka Pengurusan ICP yang berlandaskan Dasar dan Garis Panduan ICP dalam Perolehan Kerajaan bagi mendukung keperluan pembangunan industri dan teknologi tempatan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Program Kolaborasi Industri (*Industrial Collaboration Programme - ICP*)

Program Kolaborasi Industri (ICP) adalah program yang melibatkan aktiviti yang akan memberi nilai tambah ke atas sesuatu perolehan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia bagi memastikan pulangan nilai kepada ekonomi tempatan dengan kos yang efektif. Tujuan aktiviti ini adalah bagi memperolehi manfaat dan impak maksimum kepada pembangunan dan pertumbuhan industri tempatan sebagai pulangan ke atas pelaburan yang dibuat dalam bentuk perolehan sesuatu produk oleh Kerajaan.